

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA		
PUBLICATION:	KOSMO!	SECTION:	NIAGA
DATE:	WEDNESDAY, 26 SEPTEMBER 2018	PAGE NO.:	51
CIRCULATION:	155,996	FREQUENCY:	DAILY
HEADLINE:	AMBIL PENDEKATAN WASPADA / MOGSEC DIJANGKA JANA NILAI PERNIAGAAN RM400 JUTA		

Penggiat O&G perlu ambil langkah berkesan hadapi ketidaktentuan ekonomi

Ambil pendekatan waspada

Oleh JOHANNA A. SOBREY

KUALA LUMPUR – Petronas menggesa semua penggiat industri minyak dan gas (O&G) sentiasa mengambil pendekatan berwaspada dalam menepani landskap perniagaan yang tidak menentu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berkata, langkah perlu diambil sungguhpun prospek sektor berkemungkinan menunjukkan pemulihan.

“Sehingga kini, harga purata minyak mentah Brent berada pada paras AS\$74 (RM306) setong berbanding AS\$54 (RM223) pada tahun lalu. “Selain itu, kami turut melihat peningkatan dalam pelaburan yang seiring dengan kenaikan harga minyak mentah serta prospek perniagaan yang lebih baik. “Di samping itu, jum-



WAN ZULKIFLEE (kiri) menerangkan sesuatu kepada Darrell Leiking (dua dari kiri) ketika melawat MOGSEC 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

lah telaga minyak yang beroperasi kini ialah 20 unit berbanding 15 unit telaga pada akhir 2017. “Walaupun angka-angka ini menunjukkan satu perkembangan yang baik, namun kami boleh menjangkakan ketidaktentuan akan berterusan ekoran faktor luaran seperti perang dagangan dan risiko geopolitik lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC) 2018 di sini semalam.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Darel Leiking; Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak dan Gas Ma-

laysia, Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TM One, Azizi A. Hadi.

Wan Zulkiflee berkata, model perniagaan yang dilaksanakan juga perlu kukuh untuk berupaya mengharungi kitaran turun naik harga dalam industri berkenaan.

Beliau menambah, sektor minyak dan gas nega-

ra juga berdepan dengan pelbagai perubahan yang mempengaruhi cara perniagaan dijalankan termasuk teknologi baharu, produk yang dipertingkatkan data dan pesaing yang inovatif serta jangkaan pelanggan yang berubah-ubah.

“Komitmen baharu terhadap alam sekitar turut mempercepatkan perubahan sikap pelanggan, sebagaimana yang dialami oleh sektor pengangkutan yang menyaksikan peningkatan pasaran global kenderaan elektrik.

“Malah, pada minggu lalu, kerajaan telah mengumumkan pengurangan penyedut minuman mulai Januari 2019 yang juga langkah penambahan pada penggunaan beg plastik dan bungkusan makanan polistirena sedia ada.

“Kesemua perubahan ini akan memberikan impak signifikan kepada industri minyak dan gas,

INFO Sektor minyak, gas dan tenaga di Malaysia

- Merupakan antara teras ekonomi negara
- Menyumbang sebanyak 15 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
- Malaysia menghasilkan kira-kira 6.4 bilion keke padu standard (Bscf) gas asil sehari
- Hampir 655,000 tong minyak mentah dan kondensat dihasilkan setiap hari
- Memiliki kapasiti penghasilan gas asil (LNG) 30 juta tan setahun
- Mempunyai kemudahan LNG terapung pertama dunia yang dimiliki Petronas, PFLNG Satu
- Malaysia merupakan negara pengeksport LNG ketiga terbesar dunia selepas Qatar dan Australia

seterusnya mewujudkan medan saingan yang dinamik kepada semua penggiat termasuk penyedia perkhidmatan,” katanya.

MOGSEC dijangka jana nilai perniagaan RM400 juta

KUALA LUMPUR – Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia 2018 (MOGSEC 2018) dijangka menjana nilai perniagaan melebihi RM400 juta berbanding RM390 juta yang dicapai pada tahun 2016.

Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia (MOGSEC), Sharifah Zaida Nurlisha Syed Ibrahim (gambar) berkata, un-

jurannya dipengaruhi oleh harga minyak mentah yang kini mengukuh, ekonomi yang semakin berkembang serta pemulihan industri berkaitan setelah mengharungi cabaran sebelum ini.

“Edisi keempat MOGSEC akan memberi penerangan khusus dalam melengkapkan penggiat industri untuk berkerjasama dan meningkatkan perkhidmatan mereka dengan pemain tempatan serta serantau bagi mempertingkatkan tapak perniagaan mereka di peringkat serantau.

“Oleh itu, acara ini berhasrat untuk meningkatkan daya saing perkhidmatan perkhidmatan

minyak dan gas tempatan bagi meneroka kemungkinan usaha sama dalam aspek teknologi, penyelesaian bersepadu mahupun keupayaan eksport,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian MOGSEC 2018 di



Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. Sharifah Zaida Nurlisha berkata, sejak diperkenalkan pada tahun 2012, MOGSEC telah menjadi tumpuan penggiat perkhidmatan sektor minyak dan gas serantau, membuktikan nilai berterusan yang disediakan kepada pemamer dan pengunjung bukan sahaja di Malaysia tetapi rantau ini.

“Pada masa ini, ia merupakan satu-satunya platform untuk penyedia industri mempamerkan keupayaan dan inovasi terkini mereka. “Industri minyak dan gas negara telah mengharungi cabaran harga minyak yang rendah beberapa tahun lalu tetapi sungguhpun semakin pulih, masih terdapat cabaran yang perlu diidepani,” katanya.